

**KEPERLUAN PROGRAM PEMBANGUNAN
PROFESIONAL (*CPD*) TERHADAP
PROFESIONAL JURUUKUR DI MALAYSIA**

MUHAMMAD NAZIM B. ALIAS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

DEDIKASI

Istimewa buat ayah bonda tercinta,
Isteri dan anak-anak yang dikasihi dan disayangi iaitu
Ani Azyati, Aisyah Maisarah & Muhammad Fahim,
dan seluruh ahli keluarga.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnianya maka projek sarjana ini dapat disempurnakan dengan baik dan lancar.

Setinggi-tinggi penghargaan khas buat Prof. Madya Dr. Megat Mohd Ghazali Megat Abd. Rahman selaku penyelia projek sarjana yang telah memberikan segala bentuk bimbingan, bantuan dan begitu komited sepanjang tempoh penyeliaan.

Penghargaan juga kepada Prof. Madya Dr. Ismail Omar selaku Koordinator Program M. Sc. Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Dr. Asiah dan En. Wan Ibrisham selaku panel viva.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyelidikan yang telah dijalankan. Sumbangan buah fikiran dan bahan-bahan rujukan amat membantu dalam menghasilkan satu penyelidikan yang baik dan sempurna.

Khusus buat para pensyarah yang telah bertungkus-lumus berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang tempoh pembelajaran selama dua tahun. Jasa dan budi tuan / puan semua hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya.

Buat isteri dan anak-anak yang dikasihi yang sentiasa berkorban masa dan begitu memahami selama ini. Juga buat ibu, abah dan ma serta seluruh ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan.

Akhirnya, terima kasih kepada rakan-rakan di Jabatan Pengurusan Hartanah, UiTM, Shah Alam atas segala sokongan dan bantuan.

ABSTRAK

Kajian ini menfokuskan kepada kepentingan *CPD* kepada profesional juruukur. Pembelajaran adalah satu proses yang berterusan. Oleh itu *CPD* merupakan alat untuk meningkat dan menambah pengetahuan dan kemahiran kepada profesional selari dengan kehendak dan keperluan semasa oleh pihak industri. Terdapat tiga (3) objektif kajian ini iaitu pertama ialah mengenalpasti bentuk-bentuk aktiviti *CPD* yang menjadi pilihan / keutamaan untuk dihadiri oleh ahli profesional, kedua ialah mengkaji samada aktiviti *CPD* dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan, mutu perkhidmatan dan mutu kerja kepada ahli profesional dan yang ketiga pula ialah mengkaji elemen-elemen kemahiran, pengetahuan, mutu perkhidmatan dan mutu kerja yang diperolehi hasil daripada aktiviti *CPD* kepada ahli profesional. Sumbangan utama kajian ialah dari perspektif pengetahuan yang mana menjadi asas dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran iaitu melalui aktiviti *CPD* yang masih kurang bagi profesional juruukur di Malaysia. Kedua dari perspektif profesional iaitu dalam membentuk kesedaran dan pemahaman profesional terhadap kehendak dan keperluan industri untuk memenuhi situasi / senario semasa. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif (borang soal selidik) dan kualitatif (temubual). Borang soal selidik diedarkan kepada penilai dan juruukur berdaftar yang mana sebanyak tiga puluh satu (31) telah dikembalikan semula. Dalam pada itu, sesi temubual juga telah dijalankan terhadap penilai dan juruukur bahan berdaftar. Penemuan utama kajian menjelaskan kepentingan *CPD* terhadap profesional seperti penilai dan juruukur bahan berdaftar. Ini terbukti yang mana *CPD* telah dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran mutu perkhidmatan dan mutu kerja. Pada masa yang sama ia juga telah dapat membentuk keyakinan diri, meningkatkan kepakaran dan mengurangkan daripada melakukan kecuaiian profesional. Penemuan juga memperlihatkan; (i) elemen-elemen utama yang diperolehi daripada *CPD* seperti pindaan akta dan peraturan, isu terkini berkaitan industri, akta dan peraturan baru (ii) bentuk *CPD* yang menjadi pilihan ialah seperti seminar, persidangan, bengkel, forum, kongres dan lawatan teknikal dan (iii) *CPD* sebagai alat untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang merupakan kunci kepada kejayaan seseorang profesional. Oleh itu, setiap profesional tidak kira apa jua bidang sekalipun wajib untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti ilmiah seperti *CPD* selain daripada pendidikan yang diperolehi secara formal.

ABSTRACT

This study focuses on the importance of CPD to the professional and practice of surveyors. Learning is a life long process. Thus, CPD is describing as a tool to increase and enhance the skills and knowledge of the professional according to the current needs and wants of the industry. There are three objectives of this study, firstly, to identify types of CPDs' activities preferred by the professional. Secondly, to investigate the effectiveness of CPD towards the enhancement and maintain the skill, knowledge, quality of service as well as work quality and also to reduce professional negligence's. Thirdly, to investigate each elements of skill, knowledge, service quality and work quality that can be achieved from the CPD activities. The original contribution of this study is firstly, from the knowledge perspective, this will add to the base knowledge of CPD especially to the surveyor profession which is still limited in Malaysia. Secondly, from the perspective of the professional and practice, this study is able to create awareness and understanding of the professional to further enhance the needs and wants of the industry to keep up with the current scenario. This study adopted quantitative (questionnaire survey) and qualitative method (personal interviews). Questionnaire survey was carried out to valuers and quantity surveyors, and thirty one (31) responded. In addition, an interview was also carried out to valuers and quantity surveyors. The key findings of the research demonstrate the significance of CPD to professional surveyors i.e. the valuers as well as the quantity surveyors. It is proven that the CPD is enhancing the skill, knowledge, service and work quality. In addition, the CPD also able to develop self confidence, increase the level of expertise and able to reduce professional negligence. The findings provide insight into; (i) the major elements achieved from a CPD are amendment of act and regulations, current issues, guidelines and new acts, (ii), Types of preferred CPD activities by ranking are seminar, convention, workshop, forum, congress and technical visits, and (iii) CPD is a tool to obtain knowledge and skill which is the basis of a successful professional. It is compulsory for every professional notwithstanding their area and knowledge requirement to enhance their knowledge through educational activities such as CPD, apart from their formal education.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABTRAK	v
ABTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	8
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Metodologi Kajian	11
1.7 Susunatur Bab	12

**BAB 2 KONSEP UMUM PROGRAM PEMBANGUNAN
PROFESIONAL (CPD)**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Teori Pembelajaran.	15
2.2.1	Pembelajaran Secara <i>Formal, Non-Formal</i> dan <i>Informal</i>	16
2.3	Konsep Program Pembangunan Profesioanal Secara Berterusan (<i>CPD</i>)	17
2.3.1	Definisi <i>CPD</i> , Profesional dan Kompeten	18
2.3.2	Objektif <i>CPD</i>	20
2.4	Prinsip-Prinsip Aktiviti <i>CPD</i>	22
2.5	Ciri-Ciri dan Elemen Dalam <i>CPD</i>	23
2.6	Bentuk dan Perlaksanaan <i>CPD</i>	25
2.7	Jenis-Jenis Aktiviti <i>CPD</i>	26
2.8	Keperluan <i>CPD</i> Kepada Profesional Bidang Juruukur	30
2.8.1	Penilai Berdaftar	31
2.8.2	Juruukur Bahan Berdaftar	31
2.9	Faedah / Kebaikan <i>CPD</i>	32
2.10	Kesimpulan	33

**BAB 3 KEPERLUAN / PENGAWALAN PROGRAM
PEMBANGUNAN PROFESIONAL (CPD) TERHADAP
PROFESIONAL JURUUKUR**

3.1	Pengenalan	34
3.2	Definisi dan Fungsi Profesional Penilai Berdaftar dan Juruukur Bahan Berdaftar	35
3.2.1	Definisi dan Fungsi Penilai Berdaftar	35
3.2.2	Definisi dan Fungsi Juruukur Bahan Berdaftar	36
3.3	Latar Belakang Profesion Penilaian dan Juruukur Bahan di Malaysia	37
3.3.1	Profesion Penilaian	38
3.3.2	Profesion Juruukur Bahan	39

3.4	Bidang Yang Berkaitan dengan Profesion Penilaian dan Juruukur Bahan	40
3.4.1	Profesion Penilaian	40
3.4.2	Profesion Juruukur Bahan	41
3.5	Organisasi Profesional Yang Mengawal Profesion Penilaian dan Juruukur Bahan	42
3.5.1	Organisasi dan Institusi Profesional Berkaitan Penilaian	42
3.5.2	Organisasi dan Institusi Profesional Berkaitan Juruukur Bahan	43
3.6	Peluang Pekerjaan Dalam Profesion Penilaian dan Juruukur Bahan	44
3.6.1	Profesion Penilaian	44
3.6.2	Profesion Juruukur Bahan	45
3.7	Program Pembangunan Profesion (<i>CPD</i>) Oleh Lembaga Penilai, Pentaksir Dan Ejen Hartanah (<i>BOVEA</i>) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (<i>BQSM</i>)	45
3.7.1	Latarbelakang	45
3.7.2	Objektif	46
3.7.3	Kebaikan atau Faedah <i>CPD</i>	47
3.8	Struktur Program Pembangunan Profesional (<i>CPD</i>) Oleh Lembaga Penilai, Pentaksir Dan Ejen Hartanah (<i>BOVEA</i>)	48
3.8.1	Keperluan <i>CPD</i> - (<i>BOVEA</i>)	48
3.8.2	Jam Kredit <i>CPD</i> - (<i>BOVEA</i>)	48
3.8.3	Aktiviti-Aktiviti <i>CPD</i> Yang Diiktiraf - (<i>BOVEA</i>)	49
3.8.4	Pengecualian Daripada <i>CPD</i> - (<i>BOVEA</i>)	50
3.8.5	Kegagalan Memenuhi Keperluan <i>CPD</i> - (<i>BOVEA</i>)	51
3.8.6	Pentadbiran dan Pengurusan Program Pembangunan Profesional (<i>CPD</i>) Oleh	51

	Lembaga Penilai, Pentaksir Dan Ejen Hartanah (BOVEA)	
	3.8.6.1 Pentadbiran Keperluan CPD - (BOVEA)	51
	3.8.6.2 Permohonan Akreditasi CPD Oleh Penganjur - (BOVEA)	52
	3.8.6.3 Penguatkuasaan - (BOVEA)	52
	3.8.6.4 Asas Akredetasi Aktiviti CPD - (BOVEA)	53
3.9	Struktur Program Pembangunan Profesional (CPD) Oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM)	53
	3.9.1 Keperluan CPD - (BQSM)	53
	3.9.2 Jam Kredit CPD - (BQSM)	54
	3.9.3 Aktiviti-Aktiviti CPD Yang Diiktiraf - (BQSM)	55
	3.9.4 Pengecualian Daripada CPD - (BQSM)	56
	3.9.5 Kegagalan Memenuhi Keperluan CPD - (BQSM)	56
	3.9.6 Pentadbiran dan Pengurusan Program Pembangunan Profesional (CPD) Oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM)	57
	3.9.6.1 Penyelenggaraan Rekod CPD - (BQSM)	57
	3.9.6.2 Penghantaran Rekod CPD - (BQSM)	57
	3.9.6.3 Kegagalan Memenuhi Keperluan CPD - (BQSM)	57
	3.9.6.4 Advance Mata Kredit CPD - (BQSM)	57
3.10	Perlaksanaan Program Pembangunan Profesional (CPD)	58
	3.10.1 Aktiviti-Aktiviti CPD Yang Dianjurkan Untuk Penilai dan Juruukur Bahan	59
3.11	Kesimpulan	60

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN DAN TEKNIK ANALISIS

4.1	Pengenalan	61
4.2	Rekabentuk Kajian	62
4.3	Unit Analisa	64
4.4	Populasi dan Sampel	64
4.5	Instrumen Kajian	65
4.5.1	Borang Soal Selidik	67
4.5.1.1	Pembentukan Borang Soal Selidik	67
4.5.1.2	Pengenalpastian Responden	69
4.5.1.3	Perlaksanaan Borang Soal Selidik	70
4.5.1.4	Kajian Pilot	70
4.5.2	Temubual	71
4.6	Analisa Data	71
4.7	Kesimpulan	73

BAB 5 ANALISA DAN PENEMUAN

5.1	Pengenalan	74
5.2	Analisa Latar Belakang Responden	75
5.2.1	Jantina	75
5.2.2	Umur	76
5.2.3	Profesion	76
5.2.4	Tempat Kerja	77
5.2.5	Pengalaman Kerja	78
5.2.6	Bidang Pengkhususan	79
5.3	Analisa Berkaitan Program Pembangunan Profesional (<i>CPD</i>)	79
5.3.1	Umum Berkenaan <i>CPD</i>	79
5.3.2	Bentuk Aktiviti <i>CPD</i>	83
5.3.3	Elemen Pengetahuan dan Kemahiran dalam <i>CPD</i>	88
5.3.4	Elemen Mutu Perkhidmatan dan Mutu Kerja	93
5.4	Kesimpulan	98

BAB 6	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	99
6.2	Penemuan Utama Kajian	99
6.3	Cadangan Kajian Lanjutan	104
6.4	Masalah Dan Pengalaman Yang Dihadapi Ketika Menjalankan Kajian	105
	BIBLIOGRAFI	107
	LAMPIRAN	110

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Perkara	Muka Surat
1.1	Profesional Berdaftar Mengikut Kumpulan Etnik	6
3.1	Maksimum Mata Kredit Aktiviti <i>CPD</i> - <i>BOVEA</i>	49
3.2	Maksimum Mata Kredit Aktiviti <i>CPD</i> - <i>BQSM</i>	54
3.3	Aktiviti-Aktiviti <i>CPD</i> Yang Dianjurkan	59
4.1	Ringkasan Kaedah Pengumpulan Data	62
5.1	Susunan Peningkatan Yang Diperolehi Daripada Aktiviti <i>CPD</i>	83
5.2	Bentuk-Bentuk Aktiviti <i>CPD</i>	87
5.3	Bentuk Aktiviti <i>CPD</i> Khusus Melibatkan Penilai dan Juruukur Bahan	88
5.4	Elemen Pengetahuan dan Kemahiran dalam <i>CPD</i>	93
5.5	Elemen Mutu Perkhidmatan dan Mutu Kerja	97

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Perkara	Muka Surat
4.1	Rekabentuk Kajian	63
5.1	Pecahan Profesion Mengikut Jantina	75
5.2	Umur Penilai Berdaftar dan Juruukur Bahan Berdaftar	76
5.3	Pecahan Profesion Mengikut Jantina	77
5.4	Pecahan Profesion Mengikut Tempat Kerja	77
5.5	Pengalaman Kerja	78
5.6	Kemahiran dan Pengetahuan	80
5.7	Mutu Perkhidmatan dan Mutu Kerja	80
5.8	Membentuk Keyakinan dan Kebolehan Diri	81
5.9	Mengelakkan Kecuaian Profesional	82
5.10	Meningkatkan Tahap Keprofesionalan dan Kepakaran	82
5.11	Elemen Pindaan Akta dan Peraturan	89
5.12	Elemen Garis Panduan, Peraturan Dan Akta Terkini	90
5.13	Elemen Maklumat dan Isu Terkini	90
5.14	Elemen Teknologi Baru	91
5.15	Elemen Ilmu-Ilmu Baru	92
5.16	Elemen Khidmat Nasihat Yang Baik dan Cekap	94

5.17	Elemen Jaringan Hubungan Dengan Pelanggan	95
5.18	Elemen Ketepatan / Integriti	95
5.19	Elemen Penyampaian Maklumat yang Berkesan	96
5.20	Elemen Mutu Penyampaian dan Tindakbalas	97

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud Singkatan
BOVEA	<i>Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents</i> (Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah)
BQSM	<i>Board of Quantity Surveyors Malaysia</i> (Lembaga Juruukur Bahan Malaysia)
CIDB	<i>Construction and Industrial Development Board</i> (Lembaga Industri Pembinaan Malaysia)
CPD	<i>Continuing Professional Development</i> (Program Pembangunan Profesional)
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
INSPEN	Institut Penilaian Negara
INSTUN	Institut Tanah Negara
ISM	<i>Institution of Surveyors Malaysia</i>
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
LAM	Lembaga Arkitek Malaysia
PEPS	Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia
QS	<i>Quantity Surveyors</i>
RICS	<i>Royal Institution of Chartered Surveyors</i>
RMK9	Rancangan Malaysia Ke-Sembilan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Muka Surat
A	Borang Rekod Kehadiran <i>CPD - BOVEA</i>	102
B	Peruntukan Jam Kredit, Klasifikasi dan Bentuk Aktiviti <i>CPD - BOVEA</i>	103
C	Borang Aktiviti <i>CPD - BOVEA</i>	106
D	Borang A: Permohonan Jam Kredit Oleh Penganjur - <i>BOVEA</i>	107
E	Peruntukan Jam Kredit, Klasifikasi dan Bentuk Aktiviti <i>CPD - BQSM</i>	108
F	Borang Penghantaran Aktiviti <i>CPD - BQSM</i>	109
G	Contoh risalah berkaitan dengan aktiviti <i>CPD</i>	110
H	Contoh borang soal selidik	115
I	Analisa keputusan SPSS	121

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Program Pembangunan Profesional (*Continuing Professional Development*) atau ringkasnya *CPD* adalah satu kaedah yang sistematik untuk pengekalan, peningkatan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran individu yang amat diperlukan bagi seseorang ahli profesional dalam menjalankan kerja-kerja harian mereka (Ayati, 2004). Tujuan utama *CPD* kepada ahli profesional tidak lain adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli profesional dengan ilmu dan informasi terkini dalam bidang masing-masing disamping untuk mengekalkan ilmu pengetahuan yang sediaada.

Melihat kepada era pasaran bebas dan globalisasi dunia yang wujud kini maka ianya telah mendorong badan-badan profesional untuk melihat secara serius kepentingan menguasai kepakaran oleh seseorang profesional dalam sesuatu bidang. Ilmu pengetahuan yang ditimba diperingkat institusi pengajian tinggi tidak lagi boleh terhenti tanpa adanya satu program penjanaan ilmu yang berterusan untuk memantap dan memperkemaskan lagi seseorang ahli profesional dalam mengharungi cabaran globalisasi. Maka, dengan cabaran globalisasi ini, badan-badan profesional berpendapat perlunya ada satu pengisian pembelajaran yang berterusan (*continuing learning*) terhadap ahli-ahli profesional dalam pelbagai bidang. Ini membawa kepada pengenalan terhadap program *CPD*.

Melalui aktiviti *CPD*, badan-badan profesional percaya bahawa ahli-ahli mereka dapat menjalankan aktiviti profesion dengan lebih baik dalam konteks yang lebih luas dan pengendalian perniagaan yang lebih berdaya maju yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan pasaran semasa (Hafizah, 2006). Berdasarkan perkara ini, maka profesional juruukur (*surveying professional*) perlu bergerak seiringan dalam mengembang dan mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang masing-masing dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan lebih baik kepada para pelanggan.

Menuruti langkah yang diambil oleh badan-badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Jurutera Malaysia, Pertubuhan Perancang Bandar dan Desa dan lain-lain badan profesional lagi, *CPD* telah diwajibkan kepada semua ahli yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (*BOVEA*) dan Lembaga Juruukur Bahan, di Malaysia. Ini memerlukan setiap ahli berdaftar untuk memenuhi minimum jam kredit *CPD* yang perlu dihadiri dalam setahun bagi memastikan setiap ahli berdaftar akan terlibat sama dalam program pembangunan secara berterusan ini.

Penilai, pengurus harta, ejen hartanah dan juruukur bahan yang berdaftar di bawah lembaga masing-masing perlu mengikuti *CPD* yang telah ditetapkan oleh pihak lembaga berkenaan. Kegagalan mereka untuk memenuhi keperluan *CPD* ini boleh menjejaskan atau menyebabkan mereka tidak boleh memperbaharui pendaftaran yang mana secara langsung menyekat untuk mereka menjalankan praktis profesion berkenaan. Begitu juga dengan cabaran pasaran perniagaan yang begitu cepat berkembang dan berubah ianya amat menuntut setiap penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka selari dengan kehendak semasa (*up-to-date knowledge*).

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa keperluan *CPD* amat penting kepada setiap ahli profesional tidak kira samada yang melibatkan bidang ukur malah semua bidang sebenarnya amat memerlukan satu bentuk pembelajaran berterusan agar setiap ahli profesional sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan mereka. Sudah tentu dalam kajian ini penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang merupakan sebahagian ahli profesional dalam

bidang juruukur tidak ketinggalan dalam program *CPD* ini. Keperluan ini perlu dilihat bukan hanya untuk memenuhi ketetapan yang dibuat oleh pihak lembaga masing-masing malah yang lebih utama adalah tentang kepentingan untuk menguasai ilmu dan kemahiran terkini selari dengan perubahan dan perkembangan teknologi masa kini.

Oleh itu Program Pembangunan Profesional yang diperlukan oleh pihak lembaga masing-masing ketika ini melalui pengendali-pengendali program tersebut seperti Institut Juruukur Malaysia (ISM), Institut Penilaian Negara (INSPEN), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), institut pengajian tinggi dan sebagainya maka satu kajian perlu dijalankan untuk melihat bentuk aktiviti *CPD* manakah yang menjadi keutamaan kepada mereka untuk dihadiri dan apa yang penting adakah aktiviti *CPD* ini telah dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ahli profesional, juga peningkatan terhadap mutu perkhidmatan dan mutu kerja mereka yang diberikan kepada pihak pelanggan.

1.2 Penyataan Masalah

Isu pembelajaran berterusan bukanlah satu isu yang baru. Isu ini juga sebenarnya bukan hanya melibatkan golongan profesional sahaja malah bagi semua profesion. Tuntutan ilmu bukan hanya terhenti diperingkat ijazah mahupun peringkat kedoktoran sahaja malah ianya perlu diteruskan dengan seadanya. Pepatah ada mengatakan bahawa tuntutan ilmu hingga ke liang lahat, memberi gambaran betapa keperluan ilmu pengetahuan dan kemahiran perlu berterusan dan dicari di mana sahaja. Pembelajaran adalah satu yang semulajadi dan berterusan. Individu boleh belajar melalui pengalaman atau melalui media atau melalui penyampaian oleh guru. Individu juga boleh belajar melalui interaksi dengan individu lain semasa di tempat kerja, beriadah mahupun di rumah.

Oleh itu, pembelajaran boleh bermula dari pengalaman sendiri (*learning from self-experience*) atau melalui penulisan dan pemerhatian (*secondary experience*) atau kedua-duanya sekali. Pembelajaran tidak kira samada kanak-kanak atau dewasa,

pelajar atau pekerja, seseorang itu tidak akan berhenti daripada terus belajar. Oleh itu kepentingan pembelajaran berterusan lebih penting lagi kepada seseorang ahli profesional dalam apa jua bidang yang diceburi. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) juga kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah yang besar kepada bidang pendidikan dan ini memberi isyarat bahawa pentingnya ilmu pengetahuan kepada setiap orang. Di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi beliau juga amat menekankan pembangunan modal insan (*human capital*) yang mana pengisian kepada ilmu pengetahuan menjadi satu agenda besar di dalam pentadbiran beliau dengan peruntukan sebanyak RM45.1 billion.

“Kita perlu menambah nilai pada diri kita jika sekiranya di masa hadapan kita mahu lebih berjaya lagi dan keupayaan kita untuk menghadapi cabaran dan mengatasi masalah dengan lebih kuat dari masa dulu. Yang kurang cekap kita tambah kecekapan. Inilah maknanya *improvement* dan untuk itu kita jangan lupa sentiasa menambah nilai pada diri kita.” (Petikan ucapan YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung Umno 2006, Berita Harian, 18 November 2006). Kenyataan ini selari dengan program pembangunan profesional yang mana antara lain bertujuan untuk menambahkan nilai kepada diri seseorang profesional tersebut.

Jika kita lihat pula kepada teknologi penyebaran, pemindahan maklumat dan informasi di antara individu dan organisasi ianya amat mudah dilakukan pada waktu ini. Dengan teknologi yang semakin canggih ini maka setiap individu perlu bersaing untuk mendapatkan ilmu dan teknologi terkini khususnya dalam industri hartanah. Tanpa usaha untuk mengekori perkembangan semasa sudah pasti akan mengakibatkan seseorang profesional khususnya penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar akan mundur dan ketinggalan dalam arus persaingan semasa ditambah pula dengan konsep globalisasi yang sering dicanangkan dewasa ini.

Persaingan yang wujud bukan hanya datangnya dari dalam negara sahaja malah juga dari luar negara sudah pasti memerlukan seseorang ahli profesional agar sentiasa peka, bersedia dan pakar dalam bidangnya untuk membolehkan beliau bersaing dengan lebih kompetitif di pasaran dalam negara dan antarabangsa.

Bidang-bidang baru dalam industri kini sentiasa mengalami perubahan dan berkembang mengikut peredaran waktu dan kehendak semasa. Justeru semua bentuk teknologi dan informasi terkini perlu diberikan perhatian oleh profesional agar mereka tidak ketinggalan dan sentiasa mendapatkan ilmu pengetahuan terkini dan relevan.

Jika melihat pula kepada bidang yang berkaitan dengan hartanah dan pembinaan, perkembangan ilmu dan teori baru seperti pengurusan aset, pengurusan pelaburan korporat, pelaburan amanah hartanah (*real estate investment trust*), pengurusan fasiliti, analisa kos, pra dan post kontrak dan pelbagai lagi bidang baru memerlukan seseorang profesional dalam bidang ini iaitu penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini agar dapat memenuhi setiap permintaan para pelanggan. Bidang-bidang baru yang mendominasi pasaran perlu direbut oleh setiap ahli berdaftar untuk membolehkan mereka terus bersaing di arus globalisasi.

Persoalannya di manakah semua ilmu pengetahuan dan kemahiran ini boleh diperolehi? Adakah perlu kembali ke Institusi pengajian Tinggi? Jawapannya sudah pasti merujuk kepada Program Pembangunan Profesional (*CPD*) yang menjadi penyambung kepada pembelajaran berterusan ketika ini. Program ini menjadi agenda utama kepada semua profesional dalam menjadikan diri mereka sentiasa *up to date*. Oleh itu jika kita memperkatakan program pembangunan profesional kepada profesional dalam bidang juruukur, maka ianya telahpun diwajibkan kepada setiap ahli yang berdaftar baik di Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah mahupun Lembaga Juruukur Bahan perlu dilihat akan kebaikannya dan diambil dengan cara yang terbaik dalam mempertingkatkan pembangunan diri mereka sendiri.

Berdasarkan statistik bilangan profesional di Malaysia melibatkan satu jumlah yang amat besar sekali. Profesional ini adalah terdiri daripada arkitek, doktor, akauntan, jurutera, peguam, juruukur (Penilai dan Juruukur Bahan adalah salah satu komponennya) dan lain-lain lagi. Ahli profesional ini juga tidak terlepas untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri mereka untuk bersaing dipasara dunia. Program Pembangunan Profesional seperti *CPD* memang telah menjadi satu keperluan bagi setiap ahli profesional tersebut contohnya Lembaga Arkitek Malaysia

juga mewajibkan ahli berdaftar untuk menghadiri aktiviti seperti ini. Malah di United Kingdom *CPD* telah lama diwajibkan kepada golongan profesional untuk tujuan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka bahkan melibatkan bidang-bidang seperti perguruan, jururawat dan sebagainya lagi. Jadual 1.1 menunjukkan statistik profesional berdaftar di Malaysia.

Jadual 1.1: Profesional Berdaftar Mengikut Kumpulan Etnik

Profesion	2005				Jumlah
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
Akauntan	4,498	15,892	941	258	21,589
<i>Profesional</i>	<i>961</i>	<i>13,541</i>	<i>798</i>	<i>102</i>	<i>15,402</i>
Arkitek	1,152	1,594	43	6	3,001
<i>Profesional</i>	<i>557</i>	<i>1,066</i>	<i>26</i>	<i>4</i>	<i>1,653</i>
Doktor	5,720	4,657	4,142	1,055	15,574
Doktor Gigi	1,159	920	480	49	2,608
Doktor Veterinar	522	431	322	54	1,339
Jurutera	22,623	23,432	2,648	498	49,201
<i>Profesional</i>	<i>3,326</i>	<i>7,283</i>	<i>726</i>	<i>188</i>	<i>11,523</i>
Juruukur	2,069	1,426	136	68	4,290
<i>Profesional</i>	<i>975</i>	<i>989</i>	<i>70</i>	<i>31</i>	<i>2,065</i>
Peguam	4,465	4,354	2,834	97	11,750
Jumlah	42,414	53,297	11,556	2,085	109,352

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Menurut Rosliza (2005) terdapat sebanyak 680 penilai berdaftar di Malaysia. Angka ini jelas menunjukkan bilangan ahli-ahli berdaftar yang besar. Ini tidak termasuk bilangan pentaksir berdaftar berjumlah 119 dan ejen hartanah berdaftar berjumlah 1501 yang berdaftar di bawah lembaga (*BOVEA*). Begitu juga dengan bilangan juruukur bahan berdaftar iaitu seramai 864 orang berdasarkan kajian yang dijalankan di lembaga itu sendiri. Bilangan ahli yang besar untuk kedua-dua profesional ini sudah tentu akan mewujudkan satu bentuk persaingan dalam pasaran dan pastinya menuntut setiap ahli profesional memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada pelanggan.

R. Dass (1987), menyatakan profesion penilaian mengalami sasaran kritikan yang serius di era negara mengalami kemelesetan ekonomi di sekitar tahun 1985-1987. Kritikan ini datangnya daripada orang perseorangan, institusi kewangan, ahli korporat bahkan Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Walaupun kini keadaan ekonomi negara telah stabil, ini tidak bermakna kedudukan profesion penilaian terjamin. Ini sejajar dengan saranan Datuk Mustapha Mohamad agar penilai menjalankan amalan penilaian dengan lebih teliti, profesional, adil serta mengikut kehendak undang-undang agar tidak menjadi isu politik. (Utusan Malaysia, 22 Mac 1995).

Industri pembinaan juga tidak terlepas daripada mengalami kritikan berkenaan dengan projek yang terbengkalai dan pelbagai lagi masalah yang mana melibatkan juga profesional seperti juruukur bahan berdaftar yang bertanggungjawab dalam menganggarkan kos bagi setiap projek, yang melibatkan peringkat pra dan post tender. Tanggungjawab yang besar memerlukan kepada kemahiran dan pengetahuan terkini dengan kehendak sektor pembinaan yang menuntut setiap juruukur bahan memperlengkapkan diri dengan pengetahuan yang terkini agar setiap kerja yang dijalankan benar-benar dapat memberikan hasil yang baik.

Maka berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh penilai mahupun juruukur bahan yang mana perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar perlulah sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui program pembangunan profesional yang disediakan ketika ini. Program ini penting bagi meningkatkan profesionalisme di kalangan penilai dan juga profesion penilaian (Gail Sanders, 1992).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat kepentingan / faedah *CPD* kepada ahli profesional khususnya dalam bidang juruukur. Kajian akan melihat kepada aktiviti *CPD* yang kerap dihadiri, peningkatan yang diperolehi terhadap pengetahuan, kemahiran, mutu perkhidmatan dan mutu kerja serta apakah elemen-elemen yang terdapat dalam pengetahuan, kemahiran, mutu perkhidmatan dan mutu kerja itu sendiri. Inilah yang menjadi intipati kepada kajian yang akan dijalankan.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji kepentingan / faedah *CPD* kepada ahli profesional khususnya yang melibatkan profesional juruukur. Dalam mencapai matlamat tersebut beberapa objektif telah digariskan seperti berikut :-

- i. Mengenalpasti bentuk-bentuk aktiviti *CPD* yang menjadi pilihan / keutamaan untuk dihadiri oleh ahli profesional.
- ii. Mengkaji samada aktiviti *CPD* dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan, mutu perkhidmatan dan mutu kerja kepada ahli profesional.
- iii. Mengkaji elemen-elemen kemahiran, pengetahuan, mutu perkhidmatan dan mutu kerja yang diperolehi hasil daripada aktiviti *CPD* kepada ahli profesional.

1.4 Skop Kajian

Kajian secara umumnya adalah untuk melihat kepentingan dan keperluan *CPD* terhadap ahli profesional. Dalam menjalankan kajian ini penulis hanya akan memberi tumpuan kepada ahli profesional di bawah bidang juruukur sahaja iaitu melibatkan penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar. Meskipun profesion juruukur melibatkan profesional seperti juruukur tanah, juruukur bahan, juruukur bangunan dan penilai, pemilihan **penilai berdaftar (*registered valuer*) dan juruukur bahan berdaftar (*registered quantity surveyors*)** dibuat untuk kajian ini adalah kerana aktiviti *CPD* merupakan satu keperluan yang perlu dipenuhi oleh mereka mengikut kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (*BOVEA*) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (*BQSM*).

Ini berbeza dengan dua lagi ahli profesional iaitu juruukur tanah dan juruukur bangunan yang mana aktiviti *CPD* tidak menjadi kewajipan kepada mereka. Walaupun begitu kedua-dua profesional ini masih terlibat dengan aktiviti *CPD* yang bertujuan untuk memperkemaskan lagi tahap pengetahuan mereka dalam bidang masing-masing. Berlainan dengan penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar bagi mereka yang gagal memenuhi keperluan *CPD* yang ditetapkan oleh lembaga masing-masing melalui penetapan jumlah jam kredit setahun bakal menghadapi tindakan seperti tidak dapat memperbaharui lesen amalan ikhtisas mereka.

Meskipun *CPD* merupakan satu kewajipan ke atas kedua-dua profesional ini, kajian ini dijalankan lebih untuk melihat samada *CPD* tersebut telah dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan, mutu perkhidmatan dan mutu kerja mereka. Yang lebih pentingnya di sini adalah kebaikan yang diperolehi dapat memberikan peningkatan kepada profesion itu sendiri. Pandangan dan sikap profesional terhadap *CPD* ini akan diukur melalui borang soalselidik yang diedarkan. Pemilihan penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang terlibat dalam kajian ini juga akan dilakukan secara rawak mudah.

Kajian hanya akan dilakukan kepada penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang masih aktif dan praktik dalam industri hartanah dan pembinaan serta berada di sekitar Lembah Kelang sahaja. Penyelidik beranggapan jumlah firma penilaian dan perunding hartanah dan firma juruukur bahan yang majoritinya berada di Lembah Kelang dapat mewakili sebahagian besar penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang sediada di Malaysia dalam memberikan satu keputusan yang komprehensif berkenaan aspek yang dikaji.

1.5 Kepentingan Kajian

Penulis percaya dengan kajian yang dijalankan ini secara langsung dapat membantu pihak-pihak utama yang terlibat dalam *CPD* iaitu:-

- i. *Ahli profesional umumnya.*
Menyedari akan kepentingan pembelajaran secara berterusan dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka agar sentiasa relevan dengan kehendak semasa.
- ii. *Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (BOVEA).*
Menilai peraturan sediaada khusus kepada penilai, pentaksir dan ejen hartanah berdaftar dalam memenuhi keperluan dan ruang yang ada bagi setiap ahli serta mencapai matlamat utama *CPD*.
- iii. *Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM).*
Menilai dan memperkemaskan peraturan sediaada khusus yang melibatkan juruukur bahan berdaftar dalam memenuhi keperluan dan ruang yang ada bagi setiap ahli serta mencapai matlamat utama *CPD*.
- iv. *Pihak penganjur seperti Institut Juruukur Malaysia (ISM), Institut Penilaian Negara (INSPEN) dan lain-lain.*
Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak penganjur *CPD* agar dapat menyediakan program-program yang berkualiti dan selari dengan keperluan semasa.
- v. *Cadangan Program Pembangunan Profesional Kepada Pentadbir Tanah.*
Kajian ini nanti diharapkan dapat membuat satu cadangan kepada profesional Pentadbir Tanah untuk menyediakan satu bentuk aktiviti *CPD* mereka sendiri yang mana ketika ini tidak dilakukan secara tersusun dan rapi dalam usaha untuk memartabatkan dan mempertingkatkan pengetahuan Pentadbir Tanah yang merupakan salah seorang *key players* dalam industri hartanah dan pembinaan.
- vi. *Peserta-peserta yang menghadiri CPD tersebut khususnya profesional seperti penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar.*
Membantu penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar dalam mengetengahkan kehendak dan ciri-ciri program yang betul-betul

diperlukan melalui *CPD* agar ianya bukan hanya setakat memenuhi keperluan lembaga sahaja tetapi lebih kepada meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

1.6 Metodologi Kajian

Kaedah utama yang akan dijalankan dalam kajian ini adalah pengumpulan data primer melalui borang soalselidik dan temubual. Selain itu pengumpulan data melalui kaedah sekunder juga dilakukan melalui pembacaan buku, peraturan, akta, artikel, jurnal, laporan dan sebagainya. Secara dasarnya metodologi kajian dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu:-

i. Sasaran Kajian

Penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar adalah responden utama yang dikaji dalam kajian ini. Pemilihan penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar dibuat terhadap mereka yang masih bergiat aktif atau praktis dalam industri hartanah dan sektor pembinaan ketika ini dan berada di sekitar di Lembah Kelang sahaja.

ii. Rekabentuk Kajian

Kajian adalah berbentuk kuantitatif dan akan dilakukan secara kerja lapangan melalui temubual dan borang soalselidik. Temubual dan borang soalselidik hanya melibatkan responden yang berkenaan sahaja iaitu penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar sahaja. Temubual dan borang soalselidik menyentuh mengenai kepuasan, kesan dan objektif mereka terhadap *CPD* serta beberapa perkara lain yang selari dengan objektif kajian.

iii. Rekabentuk Sampel

Persampelan yang dibuat terhadap penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar adalah secara rawak mudah terhadap mereka yang masih aktif dalam bidang hartanah dan pembinaan di Lembah Kelang sahaja.

Anggaran penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar adalah sebanyak 30% daripada jumlah penilai berdaftar dan juruukur bahan berdaftar yang diperolehi daripada pihak Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

iv. *Analisa Data*

Data yang diperolehi akan dianalisa secara kualitatif dan kuantitatif menggunakan perisian SPSS dengan memilih beberapa teknik analisis yang bersesuaian. Teknik analisa frekuensi, penjadualan bersilang dan diskriptif akan dijalankan untuk mendapatkan hasil kajian yang menepati objektif yang telah digariskan. Seterusnya satu laporan dan rumusan akan dibuat terhadap penemuan kajian yang akan dijalankan.

1.7 Susunatur Bab

Struktur laporan kajian yang dicadangkan melalui pecahan bab-bab adalah seperti berikut:-

Bab 1 - Pengenalan

Merupakan bab awalan yang mana di dalam bab ini akan menjelaskan mengenai permasalahan dan persoalan kajian, apakah objektif kajian yang hendak dicapai, skop kajian, kepentingan kajian itu sendiri, bagaimana kajian akan dijalankan iaitu metodologinya yang mana semua ini akan memandu penulis untuk menghasilkan satu kajian yang baik.

Bab 2 – Konsep Umum Program Pembangunan Profesional (CPD)

Secara umumnya bab kedua ini menyediakan kajian literatur yang lengkap untuk menghasilkan satu rangka kerja terhadap kajian ini. Definisi, konsep dan terminologi yang digunakan dalam *CPD* akan dibincangkan dalam bab ini. Begitu juga dengan elemen-elemen lain yang berkaitan dengan *CPD* seperti kepentingan, kaedah pelaksanaan, prinsip, jenis dan beberapa aspek lagi akan disentuh dalam bab ini.

Bab 3 – Keperluan / Pengawalan Program Pembangunan Profesional (CPD) Terhadap Profesional Juruukur.

Bab ini akan menjelaskan berkenaan profesion penilaian dan ukur bahan yang melibatkan bidang-bidang kerja masing-masing. Ia juga akan menyentuh secara komprehensif mengenai garis panduan dan rangka kerja *CPD* yang dilaksanakan oleh *BOVEA* dan *BQSM* ketika ini. Ini melibatkan perkara seperti objektif, cara pelaksanaan, peraturan, falsafah dan lain-lain yang berkaitan dengan *CPD*.

Bab 4 – Metodologi Kajian dan Teknik Analisis

Bab keempat akan menjelaskan berkenaan teknik analisa dan metodologi kajian. Ianya menjelaskan proses penyelidikan yang bakal dijalankan seperti populasi dan sampel, borang soal selidik sebagai instrumen, pemilihan responden dan sebagainya. Seterusnya pemilihan teknik analisa bersesuaian akan dijelaskan iaitu menggunakan perisian SPSS.

Bab 5 – Analisa dan Penemuan

Bab ini akan menjelaskan hasil penemuan yang diperolehi daripada data yang telah dikumpulkan dan dianalisa untuk mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Penjelasan terhadap penemuan akan dibuat melalui jadual dan grafik seperti carta untuk menghasilkan satu bentuk laporan yang mudah difahami dan baik.

Bab 6 – Rumusan dan Cadangan

Bab akhir adalah rumusan keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Ini merangkumi penemuan utama kajian, kajian lanjutan dan beberapa masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Melalui bab ini secara langsung memberikan gambaran terhadap pencapaian matlamat dan objektif kajian.